



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
MAJLIS DAERAH JELEBU**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah:

No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tempat Dan Tarikh Pembelian Dokumen	Tarikh Tutup Sebut Harga
ICT.BIL.1/2023	Sebutharga Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Digital (Fotokopi) dan Mesin Plotter Di Majlis Daerah Jelebu	221502 Sewaan Mesin dan Peralatan Pejabat	RM50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Kaunter Hasil, Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Jelebu, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan Tarikh: 4 September 2023 (Isnin) Sehingga 15 September 2023 (Jumaat) Masa: (Isnin-Jumaat) 9.00 pagi – 4.00 petang	18 September 2023 (Isnin) Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari Di Bahagian ICT, Wisma MDJ, Majlis Daerah Jelebu, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan

2. Penyebutharga yang ingin menyertai sebutharga diatas dikehendaki membawa **Cop Syarikat** dan **SALINAN ASAL** seperti yang berikut:
 - a) Kad Pengenalan Pemilik Berdaftar atau wakil yang diterima kuasa
 - b) Surat Kuasa Wakil Syarikat
 - c) Sijil Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang 221502 yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya sehingga enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran ini sebutharga ini
 - d) Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya sehingga enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran ini sebutharga ini
3. Penyebutharga hendaklah berdaftar sebagai pembekal Majlis Daerah Jelebu bagi tahun semasa.
4. Dokumen yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis **No. Sebutharga dibahagian sebelah kiri** dan dihantar ke dalam **Peti Sebutharga** dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan di terima.
5. Pentadbiran tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebutharga atau mengemukakan sebab-sebab sebutharga ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.
6. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan akan terjejas.
7. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan pejabat di talian **06-6136479** atau **06-6136991** pada waktu pejabat jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang**.



(ABDUL RAHIM BIN A. AZIZ)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Jelebu

Tarikh : 28 Ogos 2023